

TARIKH	14 / 09 / 2016	SEKSYEN	PENGALAMAN TUNAI HAJI
MUKA SURAT	40	RUANGAN	



Kenangan pergi menunaikan haji menaiki kapal laut masih segar dalam ingatan Haji Yasin.

## Enam bulan baru selesai tunai haji

Jemaah pada masa dahulu menaiki kapal laut untuk ke Makkah

SIJANGKANG - "Haji dulu dan sekarang tak sama...Untuk ke tanah suci tunaikan haji, pergi dan balik ambil masa lebih kurang enam bulan," kata Sidik@Mohd Yasin Abu Bakar, 87, berkongsi pengalamannya bermula detik pergi menunaikan haji menaiki kapal laut pada 1952.

Sidik yang lebih dikenali dengan panggilan 'Haji Yasin'-berkata, jika hendak dibuat perbandingan jarak perjalanan menaiki kapal laut (kapal Anson) dan kapal terbang sangat jauh berbeza, dan jemaah sekarang sangat beruntung.

Menurutnya, ketika itu jemaah diberi pilihan sama ada hendak naik kapal laut dari Singapura atau Pulau Pinang dan dia yang menemani ibu-

**“Masa pakcik pergi tu, usia baru 23 tahun sebab nak teman ibu pakcik.”** - Sidik

nya, Halimah Ditowijoyo memilih untuk naik dari Singapura.

"Masa pakcik pergi tu, usia baru 23 tahun sebab nak teman ibu pakcik.

"Isteri pakcik pula tak dapat ikut sebab jaga anak sulung berumur setahun. Hajat memang nak bawa sekali isteri dan anak, tapi isteri pakcik bimbang kalau-kalau anak kami tercampak ke laut sebab air lautkan bergelora," katanya.

Sidik berkata, ramai jemaah yang membawa bekalan bahan mentah

seperti beras kerana perlu memasak sendiri atas kapal sehingga tiba di Makkah.

Selain itu, katanya, ketika pelayaran tersebut, ada yang bercerita sekiranya ada jemaah yang meninggal dunia dalam perjalanan, jenazahnya akan ditolak ke laut seolah-olah ditanam tetapi mengikut kaedah yang ditetapkan pihak pengurusan.

"Takut juga mendengarnya tapi apa yang pakcik fikir masa tu, niat nak pergi tunaikan haji dengan selamat dan pulang jumpa isteri dan anak semula.

"Masa tu mana ada alat telekomunikasi, jadi berdoa hari-hari supaya keluarga di rumah tu selamat," katanya.